

Komuniti tani perlu ada pengetahuan untuk berjaya

SERDANG - Komuniti pertanian di negara ini disaran agar mengambil setiap peluang daripada perkongsian ilmu serta teknologi dalam usaha membentuk sebuah komuniti berasaskan pertanian yang lestari dan mapan.

Pengerusi Persidangan Antara-bangsa Pengembangan Pertanian 2017 (AGREX '17), Prof. Madya Dr. Hawa



Jaafar berkata, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah wang yang besar kepada bidang pertanian, namun masih gagal membentuk sebuah komuniti pertanian yang berdaya saing.

Katanya, berdasarkan kajian yang dilakukan, kebanyakannya komuniti pertanian yang terdiri daripada petani, peladang dan pengusaha pertanian gagal bertahan kerana tidak mempunyai ilmu yang mencukupi dan menggunakan sistem yang betul.

"Selain peruntukan besar daripada kerajaan, kita juga mempunyai banyak organisasi yang menjalankan kerja-kerja bagi meningkatkan ekonomi petani, namun ia tidak begitu menjadi dan mapan. Persoalan sekarang mengapa ia terjadi?

"Jika kita lihat, perkara paling mustahak adalah komuniti itu perlu berpengetahuan untuk memastikan mereka kekal dalam industri," katanya ketika ditemui pada majlis perasmian AGREX17 di Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini semalam.

Hadir merasmikan persidangan tiga hari itu ialah Timbalan Naib Canselor UPM, Prof. Dr. Renuganth Varatharajoo.

Persidangan selama dua hari itu menjadi platform bagi menyatukan, mengumpul maklumat, bertukar-tukar fikiran dalam kalangan ahli akademik, pakar-pakar dan pengamal pengembangan pertanian serta ahli industri serta kumpulan sasaran.

Antara yang terlibat dalam persidangan kali ini termasuklah pakar pertanian dari Universiti Pertanian Tokyo iaitu Prof. Itagaki Keishiro; Prof. Emeritus Datuk Dr. Sulaiman Md. Yassin dari Yayasan Basmi Kemiskinan dan Profesor Kevin Duffy dari Universiti Teknologi Durban.